



AMANAT TAHUN BAHARU 2017

YBhg. Prof. Emeritus Dato' Dr Hassan bin Said
Naib Canselor
Universiti Teknologi MARA

Inovasi Melonjak Persaingan Global

18 Januari 2017

Bismillahir-Rahmani-Rahim
Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh
dan salam sejahtera

[SALUTASI]

[PENGENALAN]

1. Alhamdulillah, segala puji bagi Allah SWT kerana dengan limpah kurnia dan izin-Nya maka dapat kita berhimpun pada pagi yang penuh rahmat ini bagi bersama-sama dalam Amanat Tahun Baharu 2017.
2. Syukur ke hadrat Ilahi, tahun 2016 telah dapat dilalui bersama dengan pelbagai kenangan manis serta catatan kejayaan UiTM sama ada di peringkat nasional mahupun antarabangsa. Begitu juga, segala cabaran pada tahun lepas telah dapat sama-sama kita tempuhi. Mudah-mudahan ianya menjadi sumber kekuatan bagi kita mengharungi cabaran pada tahun ini.
3. Menerusi kesempatan ini juga, saya harap belum terlewat bagi saya untuk sekali lagi mengucapkan Selamat Tahun Baharu 2017 kepada semua warga UiTM.
4. Semoga pada tahun ini, UiTM akan terus melakar nama di persada antarabangsa, mengharumkan nama negara. Warga perlu sentiasa komited dalam melaksana visi universiti untuk menjadi sebuah universiti unggul yang berteraskan keserjanaan dan kecemerlangan akademik, bagi menerajui dinamisme bumiputera dalam semua bidang profesional bertaraf dunia, supaya terlahir graduan yang berdaya saing, global dan beretika.

Warga UiTM yang saya kasihi sekalian,

5. Secara peribadi, kehadiran tahun 2017 ini memberi pelbagai pengertian yang mendalam bagi saya. Setelah hampir setahun berada di universiti ini, banyak perkara telah saya pelajari tentang UiTM – iaitu dari segi budaya dan legasinya, saiznya, lokasinya, tadbir urus, proses, komitmen warga dan juga aspirasinya.
6. Dari segi angka, UiTM memang tiada tolok bandingnya.
 - a) Setakat ini, jumlah graduan yang telah dihasilkan adalah seramai 687,176 orang
 - b) Jumlah enrolmen pelajar pula telah mencapai seramai 165,028 orang
 - c) Kekuatan staf UiTM kini adalah seramai 18,188 orang
 - d) Program akademik yang dijalankan di universiti ini adalah sebanyak 500 program
 - e) UiTM juga mempunyai 35 buah kampus di seluruh pelusuk negara.
7. Namun, apa yang lebih penting ialah UiTM menggalas agenda yang lebih besar dalam memastikan penyatuan bangsa, keseimbangan sosial serta kestabilan negara.
8. Sumbangan yang telah diberikan oleh UiTM dalam melahirkan profesional bumiputera, memberi impak yang besar terutamanya dari segi penyusunan dan keseimbangan sosioekonomi negara. Oleh itu, kewujudan UiTM masih, dan akan terus kekal relevan.
9. Selaras dengan hakikat ini, UiTM perlu terus diperkasakan. Sumber dan bakat di seluruh sistem harus ditumpukan kepada usaha pembangunan graduan profesional bumiputera, yang menepati kehendak mahupun jangkaan pelanggan dan pemegang taruh. Ini seterusnya akan memastikan kelestarian UiTM untuk terus kekal berdaya maju.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian

10. Setelah lebih 60 tahun UiTM diwujudkan, universiti ini telah berjaya meletakkan asas yang kukuh, bukan sahaja untuk berada di persada global malah mampu untuk bersaing dengan universiti-universiti terkemuka di peringkat antarabangsa.

11. Jika pada tahun lepas, tema yang diangkat ialah “Melonjak UiTM di Persada Global”, maka pada tahun ini, saya mahu UiTM melangkah lebih jauh dan meningkat ke tahap seterusnya menerusi inovasi. Sesuai dengan hasrat ini, tema yang dipilih bagi tahun 2017 ialah “Inovasi Melonjak Persaingan Global”.

12. Inovasi akan menjadi kunci kepada kecemerlangan dan kelestarian UiTM. Persoalannya mengapa inovasi? Antara sebab-sebabnya adalah:
 - a) inovasi akan mengubah cara kita bekerja agar selari dengan kemajuan teknologi,
 - b) jangkaan dan tuntutan pelanggan serta pemegang taruh yang semakin meningkat terhadap UiTM,
 - c) kekangan bajet,
 - d) persaingan yang tinggi, dan
 - e) globalisasi.

13. Selain itu, untuk bersaing di persada global, inovasi perlu menjadi teras dan strategi utama bagi misi universiti. Justeru itu, inovasi diharap dapat:
 - a) Pertama, menyuburkan budaya percambahan idea baharu,
 - b) Kedua, menggalakkan pelaksanaan penambahbaikan dan transformasi bagi proses kerja,
 - c) Ketiga, membolehkan penghasilan produk dan perkhidmatan UiTM yang lebih berkualiti,
 - d) Keempat, meningkatkan *buy-in* dalam kalangan warga dan kepuasan pelanggan serta pihak berkepentingan,
 - e) Kelima, membudayakan penjimatan kos untuk mengatasi cabaran dan merebut peluang bagi penjana pendapatan,
 - f) Keenam, melahirkan anjakan berterusan ke atas tingkah laku dan cara kerja warga,
 - g) Ketujuh, memangkin produktiviti, kecemerlangan serta prestasi tinggi universiti di dalam negara mahupun di persada global, dan
 - h) Kelapan, *instilling higher order thinking skills in managing change*.

14. *I would say, “**business as usual will almost certainly no longer be good enough**” and therefore, “**we should innovate for high impact outcomes or else we would fall behind**”.*

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

15. Inovasi akan terus menjadi matlamat transformasi UiTM. Sebagai contoh, inovasi dalam tadbir urus, inovasi penjana pendapatan dan penjimatan kos, pembangunan kepimpinan dan pemerkasaan alumni.
16. Tema tahun ini iaitu “**Inovasi Melonjak Persaingan Global**” mungkin mencabar, tetapi saya percaya kita mampu untuk mencapainya. Apa yang kita perlukan ialah keyakinan diri, perancangan, strategi, serta kesungguhan dalam pelaksanaan. *The time has come for all of us to embrace a new learning curve.*

[REFLEKSI 2016]

17. Mengimbas kembali ucapan pertama saya di Majlis Amanat pada Februari 2016, ia berkisar kepada usaha kita untuk melonjak di persada global. Pada tahun lepas juga, kita telah memberi perhatian kepada pengukuhan prinsip asas institusi kita ini, iaitu dari sudut tadbir urus, proses, *visibility*, perolehan geran dalam dan luar negara serta semangat keserakanan dan kesepunyaan (*commonalities and collegiality*).
18. Agenda 2016 telah menumpukan kepada empat (4) fokus utama iaitu:
- Pertama, memperkukuh jaringan pintar UiTM-Alumni,
 - Kedua, meningkatkan kebolehpasaran graduan (GE) dan bergraduat dalam tempoh (GOT),
 - Ketiga, membudayakan pengurusan kewangan lestari, dan
 - Keempat, melonjak kedudukan UiTM dalam penarafan universiti dunia.
19. Tahun 2016 memperlihatkan kita banyak memperoleh kejayaan dari pelbagai sudut. Antara pencapaiannya adalah:

- a) Pertama, kebolehpasaran graduan atau *Graduate Employability* (GE) UiTM ialah 80.5 peratus (iaitu 11,752 daripada 14,606 graduan yang menjawab soal selidik pada sesi konvokesyen April 2016). Pencapaian ini melebihi sebanyak 2.5 peratus daripada sasaran KPI GE. Daripada jumlah graduan yang bekerja, 2.8 peratus atau 272 graduan, bekerja sendiri.
- b) Kedua, pencapaian *Graduate on Time* atau *GOT* bagi peringkat pengajian adalah seperti berikut:
- Sarjana Muda dan Diploma 84 peratus
 - Sarjana 39 peratus, dan
 - PhD 5.3 peratus
- c) Ketiga, pada tahun 2015 UiTM adalah antara lima universiti terawal yang mempelopori pelaksanaan Purata Nilai Gred Kumulatif Bersepadu atau singkatannya i-CGPA. Pada tahun 2016, sejumlah 88 program akademik di UiTM telah melaksanakan iCGPA, iaitu:
- 60 program di peringkat Sarjana Muda, dan
 - 28 program di peringkat Diploma
- d) Keempat, pada tahun lepas juga, usaha memperkasa agenda pendidikan fleksibel yang merangkumi MOOCs, APEL (C), 2u2i dan 3u1i serta *Gap Year* terus dipergiatkan.
- “Garis Panduan Pembangunan Kurikulum Fleksibel UiTM, 2016” dan Panduan kriteria kursus elektif multidisiplin berkonsepkan *Curriculum Harvard of the Future* telah diterbitkan bagi menyokong Pendidikan dan kurikulum Fleksibel.
- Tahniah saya ucapkan kepada Timbalan Naib Canselor Akademik dan Antarabangsa, serta semua warga kerja Bahagian Hal Ehwal Akademik.
- e) Kelima, peningkatan aktiviti yang berkonsepkan kesukarelawanan dan kemasyarakatan terutamanya yang melibatkan alumni dan industri, sebanyak 33 program kesukarelawanan secara kolaborasi dengan industri

telah dilaksanakan dengan penglibatan seramai 11,000 orang pelajar. Jumlah ini melebihi sasaran 27 program yang ditetapkan.

Tahniah saya ucapkan kepada semua warga kerja Bahagian Hal Ehwal Pelajar di bawah pimpinan Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni).

- f) Keenam, penjanaaan pendapatan UiTM adalah sebanyak 21 peratus daripada belanja mengurus ataupun RM477 juta, iaitu melebihi sasaran Headline KPI (HLKPI) yang ditetapkan oleh Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) ke atas UiTM bagi tahun 2016 iaitu sebanyak 5 peratus.

Daripada jumlah RM477 juta yang dijana, sebanyak RM11,372,266 adalah daripada sumbangan menerusi tabung alumni, zakat, wakaf, sedekah, program Mengubah Destini Anak Bangsa (MDAB) dan lain-lain sumbangan.

Terima kasih diucapkan kepada pejabat Bendahari atas inisiatif ini.

- g) Ketujuh, ketampakan universiti di peringkat global juga telah menunjukkan peningkatan.

Menerusi pencapaian dalam QS Ranking, UiTM kini berada pada:

- Kedudukan ke-**701 (ke atas)** Dunia
- Kedudukan ke-**181** Asia, dan
- Kedudukan ke-**8** Malaysia

Sementara itu, bagi *QS World University Ranking by subject*, lima program UiTM telah pun diiktiraf. Bidang tersebut ialah

- a) *Accounting and Finance,*
- b) *Education,*
- c) *Mechanical, Aeronautical and Manufacturing,*
- d) *Electrical and Electronic,* dan
- e) *Computer Science and Information Systems.*

Bagi *Times Higher Education (THE) BRICS and Emerging Economies University Rankings 2016*, UiTM berada di kelompok 251-300 terbaik dunia.

UiTM juga telah memperbaiki kedudukan dengan berada ditangga ke-829 dalam *Ranking Web of Universities (Webometrics)*.

Syabas kepada semua rektor-rector kampus, dekan-dekan fakulti dan pihak Institut Kualiti dan Pengembangan Ilmu (InQKA) atas pencapaian ini.

- h) Kelapan, perolehan geran penyelidikan antarabangsa kita juga amat membanggakan dengan jumlah geran sebanyak RM3.15 juta bagi Geran Swasta dan sebanyak RM1.56 juta bagi Geran Luar Negara iaitu jumlah tertinggi semenjak tahun 2012. Jumlah keseluruhan Geran Penyelidikan yang diperolehi pada tahun 2016 adalah sebanyak RM32.9 juta.

Lebih membanggakan lagi apabila penyelidik-penyelidik dari Fakulti Sains Gunaan dan Fakulti Kejuruteraan Kimia telah memperolehi tiga (3) geran *Newton-Ungku Omar Fund* yang amat kompetitif. Ini menunjukkan bahawa UiTM mempunyai keupayaan yang setara dalam jaringan penyelidikan antarabangsa.

UiTM juga merupakan institusi tunggal yang menerima tiga (3) geran *Malaysia Toray Science Foundation* daripada 17 permohonan yang berjaya di peringkat negara.

Tahniah kepada Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi), *Institute of Research Management and Innovation (IRMI)* serta para penyelidik UiTM.

- i) Kesembilan, perpustakaan UiTM (PTAR) pula telah menaik taraf sistem perpustakaan kepada ***Web Based Integrated Library System (WILS)***, yang menggunakan teknologi *Web-Based* dan mampu **mewujudkan pangkalan data secara berpusat** bagi 40 buah perpustakaan UiTM. Projek Fasa 1 ini juga telah berjaya membuat migrasi data bagi 2

cawangan iaitu Selangor dan Negeri Sembilan yang meliputi 15 buah perpustakaan UiTM.

Impak bagi projek ini adalah dari segi penjimatan kos perkakasan (*server*) berjumlah RM510,000, penjimatan kos penyelenggaraan sebanyak RM350,000 setahun, dan penjimatan kos data *conversion* daripada MALMARC kepada MARC21 berjumlah RM25,000.

Syabas saya ucapkan kepada warga kerja PTAR.

Hadirin sekalian,

20. Tadbir urus merupakan tiang seri bagi sesebuah organisasi. Keutuhannya secara langsung akan menjadi komponen penting dalam memastikan kemantapan organisasi berkenaan.
21. Secara keseluruhannya, saya dapat lihat bahawa tadbir urus UiTM adalah teratur, kecuali bagi beberapa aspek yang masih lagi perlu ditambah baik. Salah satunya adalah dari aspek keseragaman penamaan bagi setiap kampus negeri.
22. Sehubungan itu, pihak pengurusan dalam mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti (LPU) ke-155 pada 1 Disember 2016 telah membuat keputusan untuk meluluskan cadangan penyeragaman nama-nama kampus cawangan, kolej kediaman dan bangunan akademik UiTM.
23. Sebagai contoh, nama Universiti Teknologi MARA Cawangan Perak adalah seperti berikut:
 - Universiti Teknologi MARA
 - Cawangan Perak
 - Kampus Seri Iskandar
24. Selain itu, Kampus Shah Alam akan terus dikenali sebagai Kampus Induk, yang merupakan pusat pentadbiran utama, dan menjadi pemangkin kepada strategi *profiling* dan *branding*. Kampus Shah Alam juga akan terus memberi tumpuan bagi program Ijazah Tinggi dan profesional, pusat-pusat kecemerlangan, aktiviti penyelidikan dan pengkomersialan.

25. Kampus Jalan Othman pula akan dikenali sebagai “*Commercial Corridor*” yang akan menjadi “*window for UiTM*” dengan memfokuskan kepada aktiviti berbentuk perniagaan, alumni dan *branding*.

Hadirin hadirat sekalian,

26. Pembentukan bahagian kecemerlangan operasi (*Operational Excellence – OE*) merupakan satu pendekatan untuk memantapkan lagi operasi di universiti ini. Sehingga kini, 56.8 peratus projek telah selesai dijalankan. Beberapa sistem dan proses universiti telah dikenal pasti untuk ditambah baik bagi mewujudkan sistem dan proses yang lebih cekap serta produktif. Menerusi usaha ini, beberapa proses utama telah dapat diperkasa dan dipercepatkan.
27. UiTM juga kini mempunyai mekanisme bagi mengukur *Output* setiap Pusat Tanggungjawab (PTJ) iaitu menerusi aplikasi Indeks Pendidikan Tinggi Berkualiti UiTM (i-UiTM) yang telah diperkenalkan.
28. Selaras dengan *Outcome Based Budgeting (OBB)*, semua perbelanjaan yang digunakan PTJ perlu selari dengan keberhasilan atau pencapaian sasaran *Performance Indicator (PI) Output* masing-masing.
29. Setiap PTJ harus mencapai sekurang-kurangnya tahap minimum sasaran i-UiTM yang ditetapkan bagi tahun berkenaan. Pencapaian PI yang diukur juga menyokong kepada pencapaian KPI dan HLKPI UiTM.
30. Dari aspek *visibility*, UiTM kini semakin menyerlah melalui pelbagai kejayaan staf dan pelajar sepanjang tahun 2016, antaranya seperti:
 1. Nurul Nabilah Abdul Jalil
 2. Jasmine Ho Abdullah dan Mifzal Mohammed
 3. Muhammad Amzar Mohamed
 4. Zulfadli Zulkiffli
 5. Khairulnizam Mohd. Afendy
 6. Kumpulan koir dari Fakulti Muzik
 7. Pasukan *Mooting* dari Fakulti Undang-undang
 8. Dr Mohamad Huzaimy Jusoh

9. PM Dr Haider Fathi Abdul Amir
10. Pejabat Bendahari
11. Accounting Research Institute (ARI),
dan banyak lagi.

Tahniah saya ucapkan kepada semua yang telah mengharumkan nama universiti sepanjang tahun 2016. Kesemua inisiatif dalam memperkasakan ketampakan universiti telah dijalankan oleh Bahagian Canseleri dan Komunikasi Korporat melalui poster-poster tahniah, video-video pendek di *youtube* serta hebahan melalui media cetak dan elektronik.

31. Selain itu, 2016 juga telah menyaksikan pencapaian besar UiTM apabila berjaya menganjurkan dua (2) aktiviti berimpak tinggi, iaitu Sambutan Kemuncak Ulang Tahun UiTM ke-60 dan Konvensyen Nasional Penyatuan Bangsa, yang telah mendapat perhatian daripada pemimpin negara dan masyarakat.
32. Sambutan Kemuncak Ulang Tahun UiTM ke-60 telah disempurnakan perasmiannya oleh YAB Dato' Sri Mohd Najib Tun Abdul Razak, Perdana Menteri.
33. Pada majlis ini, UiTM telah mengiktiraf 6 orang tokoh alumni berjaya dalam kategori berbeza menerusi Anugerah Ikon Alumni yang julung kali diadakan. Tahniah saya ucapkan kepada Timbalan Naib Canselor (Jaringan Industri, Masyarakat & Alumni) serta seluruh tenaga kerja.
34. Di samping itu, Tabung Dana Keusahawanan Siswa UiTM dengan modal permulaan sebanyak RM645,000 telah dilancarkan untuk memenuhi hasrat kerajaan melalui KPT untuk menggalakkan penglibatan pelajar dalam perniagaan semasa dalam pengajian.
35. Saya percaya, dengan wujudnya tabung ini, capaian kepada Dana Mula-Niaga atau *Seed Fund* diharap dapat melahirkan lebih ramai *Job Creator* dari kalangan mahasiswa UiTM.

36. Pada majlis Sambutan Kemuncak Ulang Tahun UiTM ke-60, sumbangan sebanyak RM1 juta telah diterima daripada *Global Innovation Entrepreneurship Foundation* (GIEF) dan RM100,000 daripada Bank Muamalat. Tabung ini juga telah menerima sebanyak RM40,000 daripada *Malaysian Technology Development Corporation* (MTDC) dan RM5,000 daripada PERODUA.
37. Selain itu, UiTM turut gah mencipta lakaran kejayaan dengan berlangsungnya Konvensyen Nasional Penyatuan Bangsa yang mendapat perkenan Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan Sultan Nazrin Muizzudin Shah Ibni Almarhum Sultan Azlan Muhibbuddin Shah Al-Maghfur-lah bagi menyempurnakan Majlis Titah Diraja dan perasmianya.
38. Menerusi Konvensyen yang bertemakan 'Menyingkap Perjuangan Bangsa' ini, UiTM telah menjadi medan perkongsian ilmu yang menghimpunkan para ilmuan, pemimpin, pemikir dan tokoh-tokoh korporat serta golongan bijak pandai. Konvensyen ini telah berjaya memperkasa semangat solidariti Melayu yang bermatlamatkan perpaduan dan penyatuan bangsa.
39. Di samping itu, UiTM sekali lagi mendapat perhatian daripada Perdana Menteri Malaysia yang telah menyempurnakan perasmian penutup Konvensyen tersebut.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

40. Kesemua kejayaan yang kita capai ini tidak membawa makna yang besar sekiranya warga tidak menunjukkan apresiasi dan keseronokan dalam mengharungi tugas mereka di universiti ini.
41. Oleh itu, UiTM telah membentuk satu pasukan untuk membangunkan Indeks Kegembiraan, ataupun ***Happiness Index***, agar dapat menjadikan universiti ini sebagai '**Universiti Yang Penuh Kegembiraan**' atau '***A Happy University***'.
42. Program Transformasi Universiti (Trans4U) juga telah mula menampakkan hasil. Sebagai contoh, 1UiTM Multisistem untuk tadbir urus diperkenalkan.

Beberapa sistem juga telah diperkenalkan antaranya, *Online Process Improvement Register System* (OPIR) untuk penambakan proses ke arah kecemerlangan operasi, *University Programme Management Office* (UePMO V2) untuk pemantauan projek-projek universiti dan *Index for Quality Lecturers* (QL-UiTM) bagi *profiling* pensyarah.

43. Selain itu, banyak lagi inovasi yang telah diperkenalkan menerusi Trans4U. Daripada empat (4) komponen transformasi, Organisasi (O), Proses (P) dan Teknologi (T) telah banyak menampakkan hasil, tetapi dari sudut Bakat (B), masih banyak yang perlu ditingkatkan. Bakat atau modal insan UiTM perlu digilap untuk lebih cemerlang bagi melahirkan profesor dan penyelidik ulung lagi tersohor, staf yang unggul serta pelajar yang terbilang.
44. Bagi memastikan pelaksanaan inisiatif utama tahun 2016, saya telah membuat pemantauan bulanan menerusi *VC Priority Tracking* dengan enam (6) fokus utama iaitu:
- a) *QS Asia Top 100*,
 - b) Skor MyRA 4 Bintang,
 - c) Geran penyelidikan antarabangsa,
 - d) *UiTM Happiness Index*,
 - e) Staf akademik UiTM menghasilkan MOOCs, dan
 - f) *Operational Excellence (OE)*
45. *Tracking and monitoring* juga dilakukan terhadap pencapaian KPI dan PI universiti serta pencapaian Trans4U menerusi mesyuarat bulanan bersama Ahli Majlis Eksekutif Universiti (MEU). *We not only plan, but also ensure that the plan is successfully executed.*
46. Sukacita saya maklumkan bahawa, baru-baru ini juga Pejabat Pendaftar telah mendapat pensijilan ISO 9001:2015 daripada SIRIM QAS *International* bagi tempoh 3 tahun mulai 13 Januari 2017 hingga 12 Januari 2020. Skop pensijilan ini adalah pengurusan sumber manusia di UiTM.

Tahniah sekali lagi saya ucapkan kepada semua yang telah mengharumkan nama UiTM sepanjang tahun 2016.

Hadirin sekalian,

[CABARAN 2017]

47. Dalam usaha kita untuk melonjakkan UiTM mendepani arus persaingan global pada tahun ini, kita harus lebih inovatif dalam semua aktiviti yang kita laksanakan. Inovasi akan menjadi *game changer* untuk kita lebih berdaya saing pada tahun ini. Walau bagaimanapun, kita akan berhadapan dengan beberapa cabaran dalam merealisasikan agenda ini:
- a) Pertama, bilangan bakat (*talent*) perlu ditingkatkan lagi. Kita perlu mempunyai staf yang berkelayakan tinggi dengan *skill sets* yang mantap, lebih ramai pelajar cemerlang dan profesor "*magnets*" yang bertaraf global.
Kita juga inginkan ahli sukan negara yang berbakat tinggi dan *the thinking athlets* memilih UiTM untuk menyambung pengajian. Untuk itu, UiTM harus menyediakan sistem pembelajaran yang lebih fleksibel bagi golongan ini.
 - b) Kedua, pemantapan tadbir urus melalui proses *empowerment* akan diteruskan. Namun, ini akan hanya boleh dilaksanakan sekiranya keupayaan dan *skill sets* semua staf di seluruh sistem adalah di tahap yang memuaskan. Sehubungan itu, warga perlu mendukung aspirasi minda emas cetusan YB Dato' Seri Idris Jusoh, Menteri Pendidikan Tinggi.
 - c) Ketiga, ketidakstabilan pertumbuhan industri dan ekonomi negara kesan daripada ekonomi global yang tidak menentu. Situasi ini turut akan mempengaruhi usaha untuk menjalin kerjasama antara universiti dengan industri, termasuklah dari aspek penempatan latihan profesional atau *internship* pelajar, seterusnya menjejaskan kadar kebolehpasaran graduan.

- d) Keempat, teknologi dalam pembelajaran dan pengurusan di UiTM masih belum mencapai tahap yang membanggakan. Pelajar kita masih belum lagi didedahkan dengan pembelajaran berasaskan teknologi terkini. Manakala pengurusan kita masih lagi tidak mengimplementasi penggunaan teknologi sepenuhnya. Pengurusan tanpa kertas atau *paperless* perlu dibudayakan untuk mempercepatkan proses kerja serta menjimatkan kos. Dengan keadaan kewangan semasa, kita perlu menggunakan teknologi ini dengan lebih strategik.
- e) Kelima, kita sedia maklum, semua universiti awam menghadapi pemotongan bajet pada tahun ini. Situasi ini memerlukan kita untuk mengubah cara kita berbelanja bagi mengurus kos dengan lebih baik dan seterusnya menjana pendapatan.

Untuk makluman semua, saya telah pun mengeluarkan dua pekeliling iaitu Garis Panduan Strategi Bajet Universiti Bagi Tahun 2016, mengenai langkah-langkah untuk memantapkan pengurusan bajet bagi mengawal perbelanjaan serta menjana pendapatan universiti.

Satu lagi ialah Garis Panduan Pembelian Tiket Kapal Terbang Domestik dengan cara beli dan tuntutan. Saya amat berharap agar semua warga dapat memberi perhatian khusus kepada kedua-dua pekeliling tersebut.

Saya yakin, walaupun bermula dengan usaha yang kecil seperti menutup lampu, mengurangkan kekerapan pemotongan rumput, akan membuahkan hasil yang besar. *Whenever we feel the need to spend, ask ourselves: Is it a must-have or is it merely something that's nice to have?*

Hadirin hadirat sekalian,

[INISIATIF 2017]

- 48. Untuk mendepani semua cabaran dan mengatasi kekurangan pada tahun ini, kita harus membudayakan inovasi dalam semua proses kerja dan aktiviti di universiti ini.

49. Justeru itu, beberapa Inisiatif untuk UiTM bagi tahun 2017 telah saya gariskan dengan berteraskan kepada tiga (3) Sasaran Strategik Rancangan Malaysia Kesebelas (RMKe-11) UiTM iaitu aksesibiliti, pendidikan tinggi berkualiti dan graduan dinamik.

[Aksesibiliti]

50. Pertama, dari aspek aksesibiliti UiTM akan terus memperkasakan lagi agenda bumiputera, melalui pewujudan peluang pendidikan tinggi kepada pelajar bumiputera, terutamanya yang mempunyai kekurangan untuk meneruskan pengajian di universiti ini.
51. Begitu juga bagi pelajar bumiputera yang tidak mampu memperoleh pencapaian akademik yang diperlukan, oleh kerana latar belakang keluarga dan tempat tinggal mereka. Bagi golongan ini, bantuan sewajarnya akan diberikan.
52. Timbalan Naib Canselor Akademik dan Antarabangsa, melalui Bahagian Kemasukan Pelajar dan Pejabat MDAB perlu mengatur strategi yang sewajarnya, termasuk memperkenalkan beberapa program *Technical and Vocational Education and Training* (TVET) berimpak tinggi untuk pelajar berkenaan.
53. Program pengantarabangsaan universiti yang telah diperhebatkan pada tahun 2016 akan terus dimantapkan lagi pada tahun ini. Program *Summer Schools* dan *Mobiliti* telah berjaya menarik penglibatan pelajar dari pelbagai negara seperti United Kingdom, Jepun, Korea, Thailand dan Indonesia, serta menghasilkan pendapatan sebanyak RM304,502.
Tahniah kepada *Office of International Affairs* (OIA) dan diharapkan jumlah ini akan bertambah lagi pada tahun 2017.
54. Walaupun kita tidak berniat untuk mengambil pelajar dari luar negara untuk program ijazah pertama, namun kita akan meneliti usaha untuk mengambil sebilangan kecil pelajar Ijazah Tinggi dari luar negara.

55. Kita sedang berbincang dengan pelbagai pihak termasuklah KPT supaya pelaksanaan ini tidak akan menjejaskan agenda utama UiTM. Walau bagaimanapun, program *Summer Schools* dan mobiliti pelajar Ijazah Pertama akan ditingkatkan lagi.
56. Secara tidak langsung, kehadiran pelajar antarabangsa ini akan merencanakan penjana kewangan, selain mampu menyediakan *international outlook* dan *international learning experience* di kampus serta menyumbang kepada peningkatan *QS Ranking*.

[Pendidikan Tinggi Berkualiti]

57. Kedua, kita perlu memikirkan pendekatan yang lebih berimpak tinggi bagi menjamin pendidikan tinggi yang berkualiti. Ini termasuklah proses pengajaran dan pembelajaran berasaskan teknologi, seperti *MOOCs*, *smart classrooms*, *flexible learning*, *collaborative learning environment*, *empowerment in teaching*, *problem based learning*, *work based learning* dan *professional recognition*.
58. Di samping itu, *double major*, *double degree*, 2u2i atau 3u1i perlu dipergiatkan lagi. Semuanya ini adalah untuk memastikan graduan kita mendapat pengalaman pembelajaran yang terkini, *skill sets* dan *added values* yang pelbagai, dan seterusnya mampu bersaing di persada global dari aspek kebolehpasaran mereka.
59. Dari segi penyelidikan, kita perlu melihat impak kajian tersebut bukan sahaja kepada ilmu bahkan juga terhadap kehidupan sejagat. Inilah yang dinamakan sebagai Penyelidikan *Translational*. Ianya selaras dengan amanat Kementerian Pendidikan Tinggi yang menyatakan bahawa tahun 2017 merupakan tahun Penyelidikan *Translational*.

Di samping itu, penyelidikan juga harus merentasi sempadan bidang melalui penyelidikan interdisiplinari dan multidisiplinari. Para penyelidik perlu sentiasa memastikan kecemerlangan yang seimbang antara penyelidikan asas atau *blue*

sky research dengan penyelidikan gunaan atau *applied research* bagi membantu penyelesaian kepada isu nasional dan antarabangsa.

60. Hubungan yang lebih padu dan dinamik antara Fakulti dengan HiCoE dan CoE perlu dimantapkan. Ini boleh dicapai menerusi penambahbaikan struktur tadbir urus, atau *academic empowerment* oleh fakulti kepada HiCoE dan CoE ini. Selain itu, KPI bagi HiCoE dan CoE juga perlu dikemas kini.
61. Saiz geran penyelidikan yang disediakan oleh agensi kerajaan tidak bertambah secara signifikan berbanding jumlah pemohon yang semakin ramai. Oleh itu, warga penyelidik UiTM perlu mengalihkan fokus dan merebut peluang bagi mendapatkan geran dari luar negara dan industri. Alhamdulillah, tahun 2016 telah menyaksikan peningkatan yang mendadak dalam perolehan geran swasta dan luar negara.

Hadirin Sekalian,

62. Dalam urusan pentadbiran universiti, budaya inovasi akan dapat menjana hasil kerja yang lebih cepat, berkualiti, efisien, efektif dan *value added*. Melalui perancangan dan strategi kecemerlangan operasi, sistem dan proses di UiTM yang berinovatif akan meletakkan pengurusan di tahap yang lebih tinggi, seterusnya menjadi penanda aras kepada sistem pendidikan tinggi global.
63. Satu perkara yang perlu difikirkan adalah bagaimana kita boleh mendapat impak yang tinggi dengan sumber yang terhad (*low cost high impact*)?. Justeru itu, *skill sets* pentadbir perlu ditingkatkan dan deskripsi tugas (*job description*) perlu diperjelaskan agar mereka dapat meningkatkan prestasi dan produktiviti universiti.
64. Dari aspek keberkesanan dan penggunaan teknologi secara optimum, pengurusan tanpa kertas (*paperless administration*) akan dipergiat secara berperingkat, terutamanya bagi tujuan komunikasi, hebahan, bahan mesyuarat atau penyediaan dokumen.

Disasarkan sebanyak 25 peratus kos kertas, toner dan cetakan akan dikurangkan pada tahun ini. Menerusi inisiatif ini, di samping penjimatan kos, kita juga akan dapat menyokong usaha ke arah kelestarian alam sekitar.

65. Bagi meningkatkan lagi usaha pemeraksanaan tadbir urus UiTM, pelantikan dekan akan dilakukan secara adunan *bottom up* dan *top down*. Pihak Fakulti akan mengenal pasti tiga (3) calon pilihan mereka manakala dua (2) calon oleh pihak pengurusan. Mereka ini akan menjalani proses *profiling* diri yang dikendalikan oleh pihak AKEPT. Calon-calon ini seterusnya akan ditemu duga oleh Jawatankuasa Khas yang dipengerusikan oleh Naib Canselor.
66. Hubungan industri perlu terus dimantapkan oleh Pejabat Jaringan Industri, Masyarakat dan Alumni (ICAN) melalui beberapa pendekatan baharu iaitu industri dalam universiti. Antara inisiatif yang dapat dilaksanakan adalah dengan mewujudkan *incubators* dalam kampus dan *smart classroom*, melantik lebih ramai *adjunct staff* dari industri, dan memberi pendedahan kepada staf untuk menimba pengalaman di industri, khususnya *Multinational Corporation* (MNC) dan *Government-Linked Corporation* (GLC).
67. Selaras dengan Amanat Menteri Pendidikan Tinggi berkaitan penglibatan CEO@Faculty Programme, UiTM telah pun mula melaksanakan program seperti ini. Antara CEO yang pernah hadir berkongsi idea dengan mahasiswa dan warga universiti ialah Dato' Sri Haji Syed Zainal Abidin, Dato' Seri Shazalli Ramli, dan Tan Sri Dr Mohd Nadzmi Salleh.
68. Pengurangan bajet untuk tahun ini akan menguji kita dalam memastikan operasi dan kualiti universiti tidak akan terjejas. Harta dan aset universiti sebenarnya berpotensi besar untuk menjadi sumber penjana pendapatan kita melalui kaedah *monetization of asset*.
69. Sementara itu, sumber-sumber lain seperti *merchandise*, perkhidmatan, perundingan dan penawaran lebih banyak kursus pendek dan eksekutif juga mampu menjadi sumber alternatif penjana pendapatan.

70. Pelbagai inisiatif lain untuk meningkatkan penjana kewangan perlu juga diusahakan. Selain kemampuan untuk menjana pendapatan, keupayaan pentadbir untuk mengurus kos secara berhemah juga adalah sangat penting.
71. Sehubungan dengan itu, wakaf akan menjadi agenda penting pada tahun 2017 ini. Saya berhasrat untuk memperkasakan lagi potensi wakaf demi kelestarian kewangan UiTM. Tadbir urus Institusi wakaf dan zakat akan diteliti dan dimantapkan lagi untuk mencapai sasaran yang lebih besar.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

72. Kita sedia maklum bahawa untuk menghasilkan graduan yang berkualiti, ianya perlu didukung oleh pensyarah yang bermutu tinggi dan komited. Sehubungan itu, jumlah pensyarah yang berkelayakan PhD perlu ditingkatkan.
73. Sehingga Disember 2016, jumlah pensyarah berkelayakan PhD di UiTM adalah seramai 1,803 orang iaitu 20.5 peratus dari jumlah staf akademik. Sasaran 30 peratus staf akademik berkelayakan PhD akan boleh dicapai dengan melaksanakan beberapa strategi seperti berikut:
 - a) Pertama, pemantauan berterusan oleh Dekan-dekan Fakulti terhadap 514 orang staf akademik dan 107 orang Tenaga Pengajar Muda (TPM) yang telah ditawarkan biasiswa dan sedang dalam pengajian peringkat PhD di dalam dan di luar negara. Sekiranya kesemua mereka ini dapat menamatkan pengajian dengan jayanya, maka UiTM akan mempunyai sebanyak 27.3 peratus staf berkelayakan PhD, dan
 - b) Kedua, pelantikan staf akademik baharu akan diberi keutamaan kepada calon yang mempunyai kelayakan PhD.
74. Dengan peningkatan jumlah staf akademik berkelayakan PhD ini, kesarjanaan dan ketampakan akademia universiti akan lebih menyerlah dan ini akan mewujudkan iklim pengajaran dan pembelajaran yang lebih terkehadapan.

75. Pada tahun ini juga, pelantikan pensyarah selepas bersara secara pakej Khidmat Setia (KHAS) atau Kehormat turut akan dilaksanakan. Bagi mengiktiraf kepakaran para akademia, Mesyuarat LPU Ke-154 pada 20 September 2016 telah meluluskan, ahli akademik yang bersara tetapi masih berminat memberikan sumbangan akademik UiTM dilantik secara pakej KHAS dalam bidang-bidang yang berkaitan yang telah dikenal pasti.
76. Pensyarah-pensyarah ini juga boleh terus menggunakan gelaran Profesor atau Profesor Madya. Universiti mengalu-alukan kesudian tuan-tuan dan puan-puan yang berminat untuk terus menyumbang kepakaran dan khidmat kepada UiTM.
77. Semasa Perutusan 100 Hari Naib Canselor, saya juga telah menetapkan sasaran peluang kenaikan pangkat seramai 200 untuk staf akademik dan 150 untuk staf pentadbiran. Alhamdulillah pada tahun 2016, seramai 711 orang pensyarah dan 654 staf pentadbiran telah diberi kenaikan pangkat. Tahniah diucapkan kepada Pejabat Pendaftar atas kesemua inisiatif ini.

Hadirin sekalian,

[Graduan Dinamik]

78. Ketiga, sasaran strategik UiTM untuk menghasilkan graduan dinamik dengan minda dan minat keusahawanan akan diteruskan. Ini seterusnya akan menghasilkan usahawan bumiputera yang berjaya dan mampu membantu pertumbuhan ekonomi negara.
79. Kita perlu mengintegrasikan pendidikan formal dan bukan formal secara inovatif bagi mencapai matlamat ini.
80. Untuk menyokong agenda ini, dana keusahawanan UiTM perlu ditingkatkan lagi jumlahnya, dan penggunaannya perlu dioptimumkan.
81. Dalam pada itu, pembangunan UiTM yang besar ini sememangnya memerlukan perancangan yang mantap dan teliti. *UiTM's Alumni should be taken into the*

equation. Ini kerana alumni merupakan aset dan sumber penting bagi sesebuah universiti yang secara langsung akan memberi impak serta manfaat besar kepada universiti berkenaan. Sumbangan alumni adalah kritikal bagi UiTM dalam melahirkan graduan berminda global, menjana pendapatan dan menyokong misi dan visi universiti.

82. Sehubungan itu, pada tahun ini saya menyarankan agar hubungan antara UiTM dengan alumni diperkukuhkan lagi melalui pelaksanaan aktiviti *homecoming* oleh setiap fakulti dan kampus masing-masing.

Di samping itu, pangkalan data alumni juga perlu dikemas kini agar data keseluruhan alumni adalah lebih tepat. Justeru, pihak ICAN perlu mengambil inisiatif yang lebih mantap dalam menangani perkara ini.

Hadirin Sekalian,

[FOKUS UTAMA TAHUN 2017]

83. Bagi tahun 2017 ini, saya akan memberi tumpuan khas kepada **Tujuh (7)** teras utama dengan **17 strategi** tindakan. Saya berharap semua rektor, dekan dan ketua jabatan dapat membantu untuk merealisasikan teras utama ini.

Teras pertama: Teknologi dalam pembelajaran dan pengajaran. Untuk mencapai teras ini terdapat **tiga (3) strategi** iaitu:

- a) meningkatkan keupayaan jalur lebar
 - daripada 2GB kepada 5GB di kampus-kampus Cawangan Selangor, dan
 - daripada 500 MB kepada 1GB bagi kampus-kampus cawangan lain.
- b) membangunkan 25 *smart classrooms* dengan peruntukan sebanyak RM2 juta, dan
- c) meningkatkan jumlah MOOCs kepada 450, dengan pendaftaran minimum bagi setiap MOOCs melebihi 500 pelajar.

Teras kedua: Menggalakkan kerjasama akademik antara fakulti dengan fakulti dan UiTM dengan universiti luar. Dua (2) strategi yang mendukung teras ini adalah:

- a) membangunkan sekurang-kurangnya dua (2) program *Double Degree* untuk kelulusan Senat, dan
- b) mewujudkan sekurang-kurangnya dua (2) *Joint Degree* atau *Dual Degree* di peringkat Sarjana dan PhD dengan universiti terkenal luar negara.

Teras ketiga: Meningkatkan keberkesanan operasi. Untuk melaksanakan teras ini dua (2) strategi yang digariskan iaitu:

- a) mencapai sekurang-kurangnya 5 peratus OE bagi proses universiti dan sekurang-kurangnya 10 peratus penambahbaikan prestasi proses di seluruh sistem UiTM, serta
- b) membudayakan *UiTM Happiness Index* (PERMAI).

Teras keempat: Penyelidikan berimpak tinggi. Antara strateginya ialah:

- a) Pertama, meningkatkan jumlah Geran Penyelidikan kepada RM40 juta bagi tahun 2017 iaitu pertambahan sebanyak 20 peratus daripada RM32.9 juta yang diperolehi pada tahun 2016, dengan 50 peratus daripada jumlah ini adalah geran Swasta dan Luar Negara,
- b) Kedua, mewujudkan Dana Khas Penyelidikan Multidisiplinari untuk program penyelidikan merentas tiga (3) Fakulti, dan
- c) Ketiga, mewujudkan dua (2) Kursi sumbangan pihak luar.

Teras kelima: Penjenamaan dan penarafan. Terdapat dua (2) strategi yang digariskan iaitu:

- a) mencapai sasaran QS ASIA top 150 dan WORLD top 600, serta
- b) mencapai sasaran *Ranking Webometrics* iaitu kedudukan *Malaysia Top 5* dan *World Top 500*.

Teras keenam: Bajet seimbang (*Balanced budget*). Teras ini akan boleh dicapai melalui tiga strategi iaitu:

- a) Pertama, penjana kewangan baharu serta penjimatan sebanyak RM300 juta.
- b) Kedua, kutipan wakaf dan zakat sebanyak RM50 juta, dan
- c) Ketiga, *monetization of asset* disasarkan berjumlah RM10 juta. Antara contoh usaha ini adalah dengan menyewakan bangunan, hartanah dan peralatan.

Teras terakhir iaitu teras ketujuh: Program kelestarian pendidikan tinggi bumiputera. Strategi yang boleh dilaksanakan adalah:

- a) Pertama, memastikan semua pelajar bumiputera yang berkelayakan tidak dinafikan peluang pendidikan di UiTM. Sasaran bagi mencapai unjuran enrolmen seramai 200,000 pelajar menjelang 2020 akan diteruskan, dan
- b) Kedua, pendekatan *mentoring* pelajar yang lemah dalam pencapaian akademik akan dilaksanakan secara lebih berstruktur, dan pelajar yang berpotensi tinggi akan dibimbing untuk menjadi lebih cemerlang. Sehubungan itu, sistem *mentor mentee* perlu diperkasakan di peringkat fakulti.

Hadirin sekalian,

[RINGKASAN]

84. Sebagai rumusan, cabaran utama universiti pada tahun 2017 ini dapat dirangkumkan menerusi dua perkara.
- a) **Pertama**, cabaran dalaman iaitu meningkatkan kecemerlangan bakat UiTM, memperkasa sistem tadbir urus dan menerima teknologi dengan lebih menyeluruh.
 - b) **Kedua**, cabaran luaran iaitu ekonomi global yang tidak menentu dan pengurangan bajet oleh kerajaan.

85. Inisiatif tahun 2017 ini pula adalah berteraskan kepada tiga Sasaran Strategik RMKe-11 UiTM iaitu aksesibiliti, pendidikan tinggi berkualiti dan graduan dinamik. Kesemua inisiatif ini diselarikan dengan tema pada tahun ini iaitu "Inovasi Melonjak Persaingan Global".
86. Dan yang terakhir, tujuh (7) fokus utama dengan 17 strategi tindakan, telah digariskan untuk kita sama-sama menjayakannya pada tahun 2017 ini.

Hadirin yang dihormati sekalian,

[PENUTUP]

87. Bagi merealisasikan perancangan untuk tahun 2017 ini, saya memerlukan sokongan padu, komitmen, iltizam dan pemikiran inovatif dari semua warga UiTM.
88. Persediaan untuk generasi Transformasi Nasional 2050, atau singkatannya TN50, perlu bermula dari sekarang dan UiTM mempunyai amanah yang amat besar untuk merealisasikannya.
89. Kejayaan negara, khususnya kejayaan bumiputera mencapai aspirasi TN50 amatlah bergantung kepada kejayaan UiTM. Kejayaan ini juga akan menjadi pemangkin kepada penyatuan dan perpaduan negara.

Sebagaimana yang disebut oleh YAB Perdana Menteri, ia adalah bertujuan untuk membentuk satu negara bangsa yang benar-benar berwibawa dan berminda *par excellence*.

90. Sehubungan itu, inovasi dalam pelbagai aspek yang dinyatakan tadi akan memastikan kita memperoleh kejayaan yang lebih besar lagi pada tahun ini. Saya berharap budaya inovasi ini dapat diserap dalam kerja harian kita, dan ini akan dapat memastikan "*more impressive and value creating results*".

Hasilnya, kita bukan sahaja *visible* di mata dunia, malahan mampu untuk bersaing di peringkat global.

91. Dalam mengharungi cabaran yang kompleks dari pelbagai dimensi, elemen yang penting untuk dihayati oleh semua warga UiTM ialah nilai diri yang terpuji. Integriti adalah faktor penting untuk kita memperoleh penghormatan dari komuniti sejagat.

Saya berharap integriti akan terus menjadi DNA warga UiTM, sama ada dalam diri staf mahupun pelajar. Dengan itu, slogan UiTM Dihatiku bukan sahaja boleh dilihat dari sudut penjenamaan universiti, tetapi juga melambangkan nilai diri dan perwatakan mulia warga serta alumni UiTM.

Hadirin yang dihormati sekalian,

92. Kepada semua warga UiTM di seluruh pelusuk negara, saya sentiasa mendoakan agar tuan-tuan dan puan-puan serta keluarga, dilimpahi rahmat, terpelihara daripada fitnah dan musibah, serta beroleh keberkatan Allah SWT.
93. Di kesempatan ini juga, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada YB Dato' Seri Idris Jusoh dan Kementerian Pendidikan Tinggi atas segala sokongan padu dan keprihatinan yang diberikan kepada UiTM selama ini.
94. Sekalung penghargaan dan ucapan terima kasih kepada ahli **Majlis Eksekutif Universiti** atas segala sokongan, komitmen dan kerjasama dalam memacu hala tuju universiti yang besar ini.
95. **Kepada pengurusan kanan, para dekan, rektor, pengarah-pengarah, ketua-ketua jabatan dan bahagian:** Ribuan terima kasih atas komitmen tuan-tuan dan puan-puan.
96. **Kepada warga akademik:** Saya menghargai kewibawaan dan inisiatif tuan-tuan dan puan-puan, dalam memastikan agenda mengilmukan anak bangsa terus terlaksana.

97. **Kepada para pentadbir serta warga universiti di pelbagai unit dan bahagian:**Terima kasih saya ucapkan atas segala sokongan dan kerjasama dalam menterjemah aspirasi UiTM untuk terus menjadi sebuah universiti yang mencorak destini bangsa.
98. Sesungguhnya, tidak mungkin saya berupaya untuk menggalas amanah yang besar ini, andai kata tuan-tuan dan puan-puan sebagai staf UiTM tidak memainkan peranan masing-masing untuk menggerakkan seluruh jentera universiti ke arah mercu kejayaan.
99. Sekali lagi saya merakamkan sekalung penghargaan dan terima kasih kerana anda semua tidak pernah jemu mencurahkan sumbangan yang tidak berbelah bahagi demi kecemerlangan UiTM.
- Kepada para pelajar:** Teruskan usaha, tanamkan azam dan tekad demi mencapai kejayaan yang diimpikan. Gunakanlah peluang yang diberikan dengan sebaik-baiknya untuk masa depan yang lebih cerah, terbelah dan berjaya.
100. Akhir kata, semoga dalam tahun 2017 ini, semua warga universiti tercinta sentiasa dipermudah urusan, disemat rasa hormat, semangat juang, bekerja dalam satu pasukan, tidak kira apa pun jawatan, demi memperkasa anak bangsa, demi kelangsungan UiTM yang cemerlang dan gemilang.

Sekian. Wabillahitaufik walhidayah wassalamualaikum warahmatullahi wabaraka-tuh dan salam sejahtera.